cmm/AA49/Hm/18.09.2005/p: 48 (1)

SISWA UUM

Hm 18/9/05 48:1.

Oleh NORAINON OTHMAN

TEROKA GUA

norainon@hmetro.com.my

JIKA orang lain gemar aktiviti mendaki gunung sebagai aktiviti riadah, Kelab Latihan Kelana Siswa Malaysia (KLKSM) Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, memilih untuk menganjurkan aktiviti meneroka gua.

Program Eksplorasi Gua Wang Burma, Perlis selama tiga hari, baru-baru ini, bertujuan memperkenalkan peserta kepada alam semula jadi yang indah dan belum dicemari serta penjagaan ekosistem hutan.

Pengarah Projek, Mohd Syazwan Sulaiman, berkata program itu memberi peserta peluang melihat keadaan dalam gua yang cantik dan meneroka misteri hidupan di dalamnya.

"Seramai 26 peserta menyertai program ini. Menjelajah ke dalam gua batu kapur itu, kami berpeluang melihat keindahan stalagtit dan stalagmit yang terhasil daripada proses luluhawa selama berjuta tahun.

"Bagaimanapun, keindahan dalam gua itu tidak dapat dihayati jika tidak menggunakan bantuan lampu suluh kerana keadaan gelap gelita hingga apabila lampu dipadamkan seketika, kami tidak mampu melihat tangan sendiri," katanya.

Beliau berkata, peserta diberi penerangan oleh juru pandu bertauliah mengenai keadaan dalam gua yang dihuni pelbagai hidupan seperti ular, kelawar, katak dan ikan.

Penuntut Fakulti Pengajian Antarabangsa itu berkata, gua yang terletak di Wang Kelian dan di bawah pengawasan Taman Negeri Perlis itu masih dalam keadaan asal dan belum dikomersialkan.

"Keadaan dalam gua masih terpelihara daripada pencemaran. Panjangnya cuma kira-kira 500 meter, tetapi keadaannya sungguh cantik serta ba-